

BAB 2

Tinjauan Karya Yang Berkaitan

Teori adalah penting untuk dijadikan landasan bagi sesuatu kajian berbentuk ilmiah. Teori sangat berguna untuk membolehkan seseorang pengkaji membuat penelitian atau penilaian yang lebih sempurna tentang sesuatu tajuk atau isu yang dibincangkan. Teori pendidikan misalnya, mempunyai kaitan yang rapat dengan situasi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Dalam bidang bacaan khususnya, kita memerlukan teori yang lengkap bagi menerangkan proses kefahaman bacaan. Oleh itu teori sangat berguna untuk membolehkan kita membuat penelitian dan penilaian yang lebih sempurna tentang apa yang sebenarnya dikatakan proses membaca. Walau bagaimanapun sesuatu teori itu tidaklah muktamad kerana teori merupakan sesuatu yang dinamik dan berubah apabila pengetahuan yang baru diperolehi.

Masalah pelajar menghadapi kesukaran memahami apa yang dibaca telah menjadi masalah akademik yang wujud masa kini. Isu ini telah menjadi fokus kepada peranan proses metakognisi. Brown (1980) yang telah banyak membuat kajian dalam bidang ini telah menyenaraikan dua faktor yang penting dalam metakognisi iaitu:

- i. Kesedaran pembaca terhadap proses kognitifnya sendiri.
- ii. Pengetahuan pembaca tentang punca kognisi (cognitive resources) dan kegunaan 'self-regulatory mechanism' seperti membuat perancangan, pemantauan dan

menghurai (evaluating).

Dalam kajian ini teori metakognitif oleh Flavell akan dijadikan asas perbincangan tentang strategi pemahaman pembacaan ini. Flavell telah mengemukakan satu model pemantauan kognitif atau 'cognitive monitoring model' sebagai asas kepada teori metakognitif tersebut. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang metakognitif ini, fokus perbincangan akan menyentuh tentang beberapa kajian yang berkaitan dengan bacaan dan pemahaman, teori metakognisi dan kajian-kajian tentang strategi membaca serta kesannya kepada pemahaman pembacaan.

Kajian berkaitan bacaan dan kefahaman.

Reid (1981) dalam artikelnya mengenai pengajaran kefahaman bacaan, memberi pandangan bahawa kajian-kajian dalam bidang bacaan dan panduan bagi guru yang terlibat dalam pengajaran kefahaman tidak diberi penerangan yang cukup dan teknik-teknik yang khas untuk dijadikan panduan. Guru-guru perlukan satu garis panduan untuk menentukan mereka dibekalkan dengan latihan yang cukup dalam menggunakan kemahiran-kemahiran kefahaman dan mampu menyerapkan kemahiran-kemahiran itu dalam pengajaran.

Guru-guru boleh menggunakan strategi penyoalan mengikut tahap pengecaman, inferens, kritik dan kreatif untuk menubuhkan kemahiran bacaan. Jika guru-guru mengajar kemahiran membaca dengan berkesan, pelajar dapat mengenal pasti pengalaman yang sedia ada dan dapat menghubungkan kemahiran-kemahiran bahasa dengan pengalaman mereka. Ini dapat membantu mereka menuju ke matlamat dan objektif bacaan seperti yang dikatakan oleh Reid, bahawa segala perkataan yang disebut atau didengar, adalah cara-cara

individu menyatakan pengalamannya, membentuk objektifnya dan memprojekkan matlamatnya. Jika pelajar ingin memahami apa yang dibaca, dia mesti tahu tujuannya membaca sama ada untuk mendapatkan maklumat, penyelesaian masalah, mengikut arahan, membuat kesimpulan atau mengkritik


Sehingga kini sejarah pemahaman pembacaan menunjukkan terdapat tiga pandangan luas tentang pengajarannya (Paris, Wixson dan Palinscar, 1986). Pandangan pertama menegaskan bahawa pengajaran kemahiran membaca menggunakan 'Model Pengajaran Terus' atau buku-buku bacaan yang diperangkat-perangkatkan iaitu daripada yang mudah kepada yang lebih sukar (basal readers). Pandangan kedua pula menitikberatkan pendekatan psikolinguistik yang menggunakan aktiviti seperti 'Model Pengalaman Bahasa' untuk menggalakkan pengajaran pemahaman pembacaan dan pandangan ketiga dan terbaharu pula lebih memberi penumpuan kepada strategi-strategi yang menggalakkan pengajaran dan pembelajaran bebas dan mudah ubah (fleksibel). Sebahagian daripada strategi-strategi ini terdapat dalam pengajaran resiprokal dan metakognisi (Brown, 1987).

Teori metakognisi

Konsep metakognisi ini pada asalnya bermula dalam bidang psikologi dengan tanggapan apabila seseorang tahu bagaimana mindanya berfungsi, ia boleh mengesan dan mengawalnya dengan cekap supaya dapat menggunakan dengan lebih baik. Flavell(1993) menerangkan metakognisi sebagai pengetahuan dan kesedaran seseorang tentang kognitifnya. Sebagai contoh, sebarang tugas atau kerja adalah bersifat kognitif

seperti membaca, menulis, dan bertutur. Jika didapati kurang faham tentang sesuatu, inilah yang dikatakan pengetahuan metakognisi. Hasil kajian menunjukkan kecekapan metakognisi kanak-kanak adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan orang dewasa.

Konsep metakognisi ini boleh dijelaskan lagi sebagai proses ‘kognisi tentang kognisi’ atau ‘thinking about thinking’. Flavell mengemukakan satu model pemantauan kognitif atau ‘cognitive monitoring model’ sebagai asas kepada teori metakognisi. Model pemantauan kognitif ini dapat menjelaskan apa yang terkandung dalam teori ini dengan lebih terperinci. Terdapat empat komponen asas yang diberi penekanan oleh Flavell dalam model pemantauan kognitif ini iaitu:



Rajah 1. Model Pemantauan Kognitif.

Metakognisi ialah kesedaran atau pengetahuan seseorang terhadap proses-proses kognisinya dan kebolehannya mengawal, mengurus dan menilai proses-proses kognisinya untuk pembelajaran dan pemahaman pembacaan (Flavell dan Wellman, 1979). Ini jelas menunjukkan bahawa melalui metakognisi pemerosesan maklumat dalam teks yang dibaca itu boleh dipertingkatkan supaya ia dapat diikuti oleh setiap pelajar, khasnya pelajar-pelajar

yang menghadapai kesukaran dalam pemahaman pembacaan (Flavell, 1979).

Berdasarkan model pemantauan kognitif oleh Flavell, metakognisi terdiri daripada empat perkara utama iaitu pemantauan matlamat kognisi, pengetahuan metakognisi, pengalaman metakognisi dan tindakan kognisi. Matlamat kognisi adalah objektif eksplisit yang menjadi asas ‘cognitive enterprise’. Pengetahuan metakognisi pula merupakan pengumpulan pengetahuan yang berbentuk sensitiviti, perasaan, intuisi atau pengetahuan sedia ada. Pengalaman metakognisi pula berupa pengalaman yang disedari secara kognisi seperti idea-idea, pemikiran, atau perasaan yang berkaitan dengan tugas (task). Manakala komponen terakhir iaitu tindakan kognisi adalah langkah-langkah atau strategi yang diambil untuk mencapai matlamat tugas seperti merancang, menyemak semula dan menguji hipotesis.

Metakognisi adalah kesedaran tentang satu proses produk yang dipengaruhi oleh ke empat-empat komponen ini. Flavell mementingkan interaksi antara komponen-komponen ini secara berterusan. Misalnya dalam masalah bacaan yang tidak menggunakan penyebutan bahasa baku, tanda baca dan intonasi yang betul mengikut teks yang dibaca, matlamat pelajar tentulah untuk membaca dengan betul dan berkesan. Semasa membaca pengetahuan metakognisinya akan memberitahu supaya membaca dengan betul dan berhenti sebentar jika didapati kurang tepat. Pengalaman metakognisi pula menyatakan ada bahagian ayat yang dirasakan sukar disebut. Tindakan atau strategi yang diambil pula mungkin mengulang-ulang bacaan. Berhubung dengan proses ini, produk yang timbul ialah kesedaran di dalam diri pelajar tentang kesilapan yang mereka lakukan dan tindakan yang perlu diambil untuk mengatasi masalah.

Flavell (1979) menerangkan tentang metakognisi sebagai 'dimension that deals with people thinking about and orchestrating their thinking'. Menurut beliau kesedaran (awareness) terdiri daripada tiga kategori pengetahuan iaitu:

- i. 'Declarative knowledge' yang merujuk kepada pengetahuan propositional iaitu pengetahuan tentang sesuatu teks.
- ii. 'Procedural knowledge' iaitu pengetahuan tentang cara menjalankan sesuatu prosedur yang berkaitan dengan bahan yang dibaca.
- iii. 'Conditional knowledge' ialah mengetahui atau pengetahuan tentang mengapa dan dalam situasi bagaimana strategi-strategi tertentu perlu digunakan.

Rivard dan Yore (1992) dilihat dalam Madge, T.C dan Larry D.Y (1996), mendefinisikan strategi sebagai tindakan secara spontan (action plan) yang dilakukan oleh pembaca yang mahir untuk mencapai matlamat tertentu apabila pembacaan tersebut menjadi sukar. Jika interaksi pembaca, teks dan konteks adalah mengarah kepada pembentukan makna, pembaca akan meneruskan pembacaan. Tetapi jika pembaca mendapati sukar untuk memahami teks, pembaca yang baik akan menyusun strategi dan membuat perancangan untuk mencapai pemahaman. Apabila berhadapan dengan kegagalan pemahaman, pembaca yang mahir akan mendapat pengetahuan tentang apakah dia tugas (task), pengetahuan tentang bagaimana untuk meneruskan tugas tersebut dan perkara-perkara yang boleh memperkenalkan prosedur-prosedur tertentu. Berdasarkan kepada kesedaran metakognisi ini, pembaca yang berkesan akan mengambil langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah pembacaannya.

Walau bagaimanapun teks jenis naratif dan teks ekspositori mempunyai perbezaan struktur, leksikal, semantik dan aspek sintaktik. Perbezaan dalam teks juga boleh menimbulkan perbezaan pada pelajar dari aspek prosedur dan pengetahuan kondisional mereka dengan kebolehan mereka merancang, memantau dan mengawal pemahaman. Walau bagaimanapun andaian yang sering dibuat ialah pelajar mempunyai pengetahuan dan strategi yang sama dalam kedua-dua jenis teks dan terdapat peralihan secara terus (direct transfer) tentang pemilihan strategi-strategi yang digunakan dalam kedua-dua teks

Strategi metakognisi dalam pembacaan.

Baker (1982) dalam (John H. Flavell dan Patricia H. Miller, 1993) menunjukkan bukti kajian bahawa pembaca yang dianggap lemah atau masih muda menunjukkan kelemahan atau kekurangan metakognisi dalam sembilan perkara iaitu:

- i. Memahami tujuan membaca.
- ii. Mengubahsuai strategi membaca mengikut tujuan.
- iii. Mengenal pasti isi penting daripada petikan.
- iv. Mengesan susunan mengikut logik dalam petikan.
- v. Menyedari bagaimana maklumat baru dikaitkan dengan pengetahuan lampau.
- vi. Mengesan konstrain sintaksis dan semantik seperti membetulkan kesilapan dalam teks secara spontan
- vii. Menghurai teks untuk pengesahan, membuat kesimpulan dan mengekalkan konsistensi.
- viii. Mengatasi kegagalan untuk memahami sesuatu.

ix. Merancang bagaimana bahan boleh difahami.

Metakognisi dalam pembacaan tertumpu pada strategi-strategi yang digunakan oleh pelajar untuk memahami apa yang dibaca dan bagaimana strategi-strategi tertentu boleh digunakannya mengikut kehendak tugas dan matlamat pembacaan. Oleh itu metakognisi merupakan satu fungsi intelektual yang bercorak individu. Metakognisi juga merujuk kepada kesedaran nyata dan kawalan seseorang terhadap proses-proses kognisi dan kebolehannya mengawal dan mengesan proses-proses kognisi ini untuk membantu pemikiran dan pembelajaran. Ini bererti pemahaman pembacaan menjadi satu proses yang berjaya hanya apabila seseorang pembaca sama ada baik atau lemah, bukan sahaja mempunyai pengetahuan yang lengkap mengenai strategi-strategi metakognisi bahkan dapat menggunakan dengan sebaik-baiknya (Wham, 1986).

Kajian-kajian menunjukkan pemantauan pemahaman adalah kemahiran yang boleh dibina tetapi tidak dikuasai sepenuhnya apabila dewasa. Walau bagaimanapun, dengan memberi perhatian kepada peringkat kematangan pelajar, aspek pemantauan pemahaman ini boleh dilatih atau diajarkan. Guru-guru boleh membimbing pelajar menggunakan strategi-strategi ini kerana ini lebih penting daripada mengajar tentang strategi tersebut (Meir, 1984).

Strategi metakognisi yang hendak digunakan oleh seseorang dalam proses pemahaman pembacaan mempunyai kaitan yang rapat dengan empat angkubah iaitu teks, tugas, strategi dan ciri-ciri pelajar. Ke empat-empat angkubah ini mempengaruhi seseorang ketika memilih dan menggunakan aktiviti atau strategi metakognisi tertentu untuk membantunya memahami petikan yang dibaca (Linguist-Sandman, 1987). Bagi

menanamkan kemahiran metakognisi kepada pelajar, guru mesti menggalakkan pelajar untuk menjadi pelajar yang aktif. Pelajar perlu belajar bagaimana untuk menyediakan maklumat kepada tugas membaca, merancang bagaimana untuk mencapai matlamat tersebut, memantau strategi bagi mencapai matlamat dan membetulkan keadaan apabila matlamat tidak tercapai. Bagi mencapai matlamat ini, pelajar boleh diajar beberapa teknik seperti mengaitkan maklumat baru dengan latar belakang pengetahuan mereka, rujuk dahulu bahan yang hendak dibaca sebelum membacanya, susun semula idea yang hendak disampaikan oleh pengarang dan mengenal pasti bentuk teks.

Fitzgerald seperti yang dilihat dalam (Burns, Roe dan Ross, 1988) berpendapat, salah satu cara untuk membantu pelajar memahami petikan yang dibaca ialah guru boleh menjadi model yang menggunakan strategi tertentu untuk memantau pemahaman dengan cara membaca petikan secara kuat dan strategi 'think aloud'. Selain itu strategi yang boleh digunakan ialah mencatat perkara-perkara yang baru diketahui dan menambahkan maklumat kepada sesuatu perkara tersebut sambil membaca. Selain itu Fitzgerald juga menyatakan bahawa guru-guru boleh meminta pelajar membaca petikan yang lebih sukar dan mengemukakan soalan. Pelajar sendiri akan cuba menjawab untuk menguji kemampuan mereka menjawab soalan. Jawapan yang salah diletakkan di peringkat keyakinan rendah dan jawapan yang betul di peringkat keyakinan tinggi sebagai cara untuk mengesan pemantauan pemahaman yang baik.

Babbs (1984) dalam (Burns, Roe, dan Ross, 1988) dalam kajiannya mendapati pelajar-pelajar gred 4 (lemah) boleh mencapai kebolehan literal apabila menggunakan kad pemantauan pemahaman semasa mereka membaca. Cara yang dilakukan ialah selepas

membaca setiap ayat, kad-kad ini akan ditayangkan kepada mereka untuk membuat penilaian sama ada mereka telah faham ataupun tidak. Jika mereka didapati tidak faham, kad akan mengarahkan mereka untuk menggunakan strategi seperti meneruskan bacaan, membaca semula, merujuk glosari atau menyemak semula bersama-sama kawan untuk menyelesaikan masalah. Prosedur yang sama juga dilakukan selepas membaca setiap perenggan, sekeping kad akan ditunjukkan untuk mereka melihat apa yang tertulis pada muka surat tersebut. Ini menunjukkan strategi metakognisi boleh diajarkan dan boleh digunakan untuk menguji peningkatan kebolehan membaca seseorang pelajar.

Kajian oleh Wong (1985) tentang penggunaan strategi penyoalan diri, mendapati arahan yang diberi kepada pelajar sekolah tinggi untuk mengesan idea utama dalam teks dan cara untuk membentuk soalan yang memerlukan contohan baru daripada idea utama tersebut atau penyusunan semula, akan meningkatkan pemahaman pelajar berkebolehan rendah. Selain itu Brown, A.L (1981) telah menyelesaikan satu siri kajian yang melihat strategi belajar semasa di sekolah, mendapati kebolehan mengenal pasti idea utama dalam petikan adalah kemahiran yang boleh dibentuk atau dilahirkan secara beransur-ansur. Selain kajian beliau, terdapat banyak pengkaji lain cuba mengajar strategi metakognisi yang kebanyakannya berfokuskan cara mengajar pengetahuan ‘metamemory’ untuk mengetahui kesan pengajaran menggunakan strategi metakognisi ini dan hasil dapatan menunjukkan terdapat peningkatan pemahaman di kalangan pelajar.

Kajian yang berkaitan di Malaysia.

M.Muthusamy (1994) membuat kajian bertajuk ‘Kesan dua strategi metakognisi

terhadap pemahaman bacaan teks ekpositori'. Kajian ini melihat kesan kombinasi strategi penyoalan diri serta ramalan terhadap pemahaman pembacaan teks ekspositori yang melibatkan pelajar kecekapan bahasa tinggi dan rendah. Selain itu kajian ini juga memeriksa kesan strategi tersebut terhadap pencapaian pemahaman keseluruhan, idea-idea utama dan butir-butir khusus pelajar.

Subjek kajian terdiri daripada 60 orang pelajar Melayu Tingkatan Empat yang dipilih secara rawak daripada 3 buah sekolah menengah di sekitar bandar Kelang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua strategi penyoalan diri dan ramalan membawa kesan positif terhadap peningkatan pencapaian pemahaman pembacaan semua subjek kajian. Kedua-dua strategi juga didapati tidak mempunyai kesan yang berbeza pada subjek yang terdiri daripada golongan yang berkecekapan bahasa tinggi dan rendah. Dapatan kajian dibincangkan dalam konteks metakognisi pemahaman pembacaan dan implikasinya terhadap pengajaran bacaan di bilik darjah.

Mubarak Ali bin Raja Mohamed (1989) membuat kajian mengenai kesan dua strategi pra-bacaan terhadap kebolehan pemahaman pembaca ESL di sebuah maktab perguruan dalam laporan praktikumnya yang bertajuk 'The use of two pre-reading strategies in developing the comprehension ability of selected teacher trainees at Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Melaka'. Kesan pengetahuan lampau atau pengetahuan sedia ada tentang dua strategi pra-bacaan terhadap dua kumpulan ESL telah diuji. Pengkaji menggunakan tiga petikan pemahaman sebagai instrumen. Dapatan kajian menunjukkan pelajar pencapaian tinggi menunjukkan kebolehan yang lebih baik daripada pelajar pencapaian rendah dalam ketiga-tiga bentuk penyoalan yang digunakan iaitu penyoalan

eksplisit, implisit dan 'skriptally implicit'. Ini membuktikan bahawa penggunaan strategi adalah penting untuk mencapai pemahaman pembacaan.

Ranjit Singh Gill (1995) pula membuat kajian yang bertajuk "Trainee teachars' metaconitive knowledge structures: A case study". Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pola-pola kesedaran dan kebolehan mengaplikasi strategi kefahaman metakognitif oleh pembaca yang fasih dan pembaca yang lemah. Subjek kajian terdiri daripada dua orang guru pelatih opsyen Pengajian Bahasa Inggeris. Data berkaitan dengan kesedaran strategi telah diperoleh dengan menggunakan Index of Reading Awareness, dan data laporan lisan dalam bentuk 'think aloud protocols' dan 'retrospective interviews' diperoleh semasa subjek menyempurnakan dua petikan kloz. Dapatan kajian menunjukkan tidak wujud perbezaan di antara pembaca yang fasih dengan pembaca yang lemah dari segi kesedaran dan pengetahuan tentang strategi bacaan. Dapatan kajian juga menunjukkan kedua-dua subjek kajian menggunakan strategi bacaan yang berkesan untuk membina pemahaman teks yang lebih mendalam.

Kesimpulan.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dibuat, adalah nyata bahawa metakognisi membantu para pembaca mengetahui secara sedar bagaimana mereka membaca dan proses-proses yang dilalui dalam pemahaman pembacaan. Kesedaran dan pengetahuan ini akan membantu pembaca memilih dan menggunakan strategi-strategi untuk meningkatkan pemahaman pembacaan. Brown, Campoine dan Day (1981) mengatakan apabila para pembaca menganalisis situasi pembelajaran masing-masing bermakna mereka melibatkan

diri secara aktif dalam pembelajaran.

Linguist-Sandman (1987) pula mengatakan bahawa para pembaca yang sedar secara nyata proses pembelajaran yang berlaku pada dirinya sendiri, akan dapat menggunakan pengetahuan itu untuk membentuk satu kaedah belajar yang jelas bagi dirinya. Pembaca begini juga mempunyai kesedaran akan kebolehannya sebagai pelajar yang aktif dan sentiasa berorientasikan pada matlamat-matlamat membaca yang tertentu. Pendek kata, strategi metakognisi ini penting untuk pembelajaran di sekolah dan mesti diajar secara eksplisit pada pelajar sebagai sebahagian daripada kurikulum sekolah.